

Muktamad senarai penerima PSP Februari

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dijangka mengeluarkan senarai muktamad penerima Program Subsidi Petrol (PSP) pada Februari depan.

Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jen berkata, pengumuman berhubung perkara itu akan dibuat kementerian berkenaan menerusi satu kenyataan rasmii selepas pemurnian data itu selesai dilaksanakan.

"Berdasarkan data yang diterima daripada program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan disilang semak mengikut data pemilik kenderaan yang diterima daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sejumlah 2.9 juta individu layak menerima bantuan daripada program ini.

"Sementara itu, 346,491 penerima PSP yang layak menyenak dan/atau mengemas kini maklumat akaun bank mereka, manakala 480,317 individu yang tidak layak mengemukakan rayuan melalui portal PSP," katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan persidangan Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datin Rahimah Mahamad yang ingin tahu jumlah berdaftar penerima PSP dan jumlah permohonan rayuan yang diterima bagi memuktamadkan jumlah sebenar penerima subsidi yang layak dalam PSP.